

**KEMAHIRAN BELAJAR DAN HUBUNGANNYA  
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK:  
KAJIAN DI DAERAH KERIAN, PERAK**

*(THE RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING SKILLS AND  
STUDENTS ACADEMIC ACHIEVEMENT: A STUDY IN  
THE DISTRICT OF KERIAN, PERAK)*

**Mohd Najib Abdul Aziz dan Nor Shafrin Ahmad**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,  
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
E-mel: njue76@yahoo.com.my, sham@usm.my

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mengukur perhubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar pelbagai kebolehan di daerah Kerian, Perak. Di samping itu, kajian ini bertujuan menunjukkan sama ada terdapat perbezaan kemahiran belajar antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan, kepelbagaian pencapaian akademik dan lokasi sekolah seperti bandar dan luar bandar. Seramai 180 orang pelajar tingkatan empat yang mewakili dua buah sekolah yang berada di lokasi yang berbeza terlibat dalam kajian. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik kemahiran belajar yang mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi maklumat demografi responden seperti nama sekolah dan jantina. Bahagian kedua pula mengandungi soalan mengenai kemahiran belajar. Data kajian dianalisis menggunakan ujian korelasi Pearson bagi mengukur perhubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik. Ujian-t digunakan bagi mengenal pasti perbezaan kemahiran belajar antara jantina dan lokasi sekolah. Ujian ANOVA digunakan untuk mengenal pasti perbezaan kemahiran belajar di kalangan pelajar pelbagai kebolehan pencapaian akademik. Keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kemahiran belajar di kalangan pelajar tingkatan empat yang berlainan jantina dan lokasi sekolah. Keputusan ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar pelbagai kebolehan pencapaian akademik. Ujian korelasi Pearson  $r$  pula menunjukkan terdapat perhubungan positif antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik (PMR).

**Kata kunci:** kemahiran belajar, pencapaian akademik pelajar, pelbagai kebolehan

**Abstract:** The aim of this research is to identify the relationship between learning skills and academic achievements among the students of multi-ability in the Kerian district, Perak. It is also to identify whether there are differences in learning skill between gender, in terms of variations in achievements and location of schools. There are 180 form four students representing two different locations of schools involved in this research. A set of questionnaires comprising of two parts is used in this research. The first part contains the respondent's demographic information such as name of school and gender. The second part contains question on learning skills. The Pearson correlation test is applied to determine the relationship between learning skills and academic achievements, t-test is to find out the differences in learning skills between gender and locations of two schools,

while ANOVA test is used to find out the difference in learning skills among students with multi-ability. The results of t-test shows that there is no significant difference between learning skills among students of different gender and location of schools. Result of ANOVA shows that there is a difference in the learning skills among students of multi-ability achievements in academic. The results of Pearson correlation test shows that there is a positive relationship between learning skills and academic achievement.

**Keywords:** learning skills, students academic achievement, multi-ability.

## **PENDAHULUAN**

Pembelajaran merupakan kegiatan yang bergantung kepada kemahiran kognitif. Ahli psikologi seperti Mace (1976) berpendapat kita boleh membezakan mekanisme otak yang digunakan dalam pembelajaran dengan faktor yang menggerakkan mekanisme tersebut. Faktor yang menggerakkan mekanisme tersebut dipanggil dorongan dan sikap, sementara mekanisme pembelajaran dipanggil kemahiran pembelajaran. Adalah menjadi harapan setiap pelajar yang berada di sekolah untuk mencapai kejayaan sama ada dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Kejayaan dalam bidang akademik adalah sesuatu yang tidak mustahil jika pelajar memperoleh cara atau strategi belajar yang berkesan. Pelbagai faktor penyumbang kepada kejayaan pelajar seperti kecerdasan intelek, daya usaha yang berlebihan, tumpuan yang lebih ketika proses pengajaran dan pembelajaran serta strategi belajar yang mantap (Khalid, 2005: 3).

Guru-guru dan ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Guru hendaklah memahami cara-cara untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku pelajar melalui pelbagai pengalaman pendidikan. Satu cara dalam usaha membantu guru supaya dapat mengarah proses pembelajaran adalah melalui pemahaman tentang teori pembelajaran yang telah dihasilkan daripada eksperimen secara formal. Pihak ibu bapa pula seharusnya menjadi pendorong semangat dan menggalakkan serta memperkukuhkan keupayaan kemahiran belajar dalam kalangan anak-anak mereka.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai empat tujuan utama iaitu:

1. Mengenal pasti perbezaan kemahiran belajar antara pelajar lelaki dan perempuan.
2. Mengenal pasti perbezaan kemahiran belajar bagi pelajar-pelajar yang pelbagai kumpulan pencapaian akademik seperti kumpulan pelajar cemerlang, sederhana dan lemah.

3. Mengenal pasti perbezaan kemahiran belajar bagi pelajar-pelajar yang bersekolah di bandar dengan pelajar-pelajar yang bersekolah di luar bandar.
4. Mengenal pasti hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik.

## **DEFINISI**

### **Kemahiran Belajar**

Menurut Mohd Yunus (1990), kemahiran belajar ialah keupayaan melaksanakan kegiatan pembelajaran dengan berkesan. Beliau telah membahagikan kemahiran belajar kepada beberapa elemen iaitu keupayaan mendisiplinkan diri, keupayaan membaca, keupayaan mendengar, keupayaan mencatat nota dan keupayaan mengingat.

Menurut beliau, antara kemahiran yang amat ditekankan ketika proses pembelajaran berlaku ialah mendisiplinkan diri, kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran mencatat nota dan kemahiran mengingat. Definisi operasional dalam kajian ini akan memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada kelima-lima kemahiran belajar tersebut sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd Yunus (1990). Kemahiran-kemahiran tersebut dijelaskan secara terperinci seperti berikut:

#### **1. Disiplin diri**

Disiplin diri adalah salah satu aspek yang sangat penting dalam pembelajaran. Dalam mendisiplinkan diri terdapat pelbagai langkah yang perlu diambil, antaranya ialah memulakan tugas dengan cepat, menentukan tugas yang hendak dilakukan, menyediakan tempoh untuk melengkapkan tugas, belajar dalam masa yang telah ditetapkan, membahagi-bahagikan masa belajar dan menyediakan jadual belajar (Mohd Yunus, 1990). Selain itu, individu perlu menyemak tingkah laku belajar bagi mencapai pembelajaran yang aktif. Penumpuan dalam pemikiran perlu diberi perhatian walaupun pelajaran yang sedang dihadapi itu sukar. Sehubungan dengan itu, disiplin diri boleh dianggap sebagai kesungguhan individu mematuhi peraturan pembelajaran dan boleh dilakukan sekiranya pelajar itu mempunyai kesedaran metakognisi sendiri yang positif.

## **2. Kemahiran mendengar**

Kemahiran mendengar pula adalah salah satu daripada kemahiran belajar yang paling asas dan paling penting diamalkan secara berterusan. Kemahiran mendengar melibatkan pemerhatian teliti sesuatu demonstrasi, tulisan, lakonan, gerak badan, serta mendengar secara lisan maklumat yang disampaikan oleh guru. Kemahiran mendengar sangat penting kerana guru sering berkomunikasi dengan pelajar. Mohamad Daud (1994) menjelaskan bahawa mendengar tanpa penangkapan adalah tidak bermakna. Penangkapan pula memerlukan pentafsiran maklumat yang dirakam setelah didengar. Mohd Yunus (1990) berpendapat, mendengar bukanlah semata-mata menerima dan mengenali bunyi di sekeliling kita. Mendengar adalah salah satu proses yang aktif yang memerlukan pemikiran, penilaian dan percantuman. Tanpa tumpuan khusus, pelajar akan ketinggalan perkara-perkara penting dalam pembelajaran. Lanjutan daripada mendengar dengan teliti barulah pelajar boleh mencatat isi-isi penting dan membuat nota. Justeru itu, kemahiran mendengar merupakan satu elemen yang penting ketika proses pembelajaran berlaku di dalam kelas. Penumpuan ketika pembelajaran khususnya mendengar secara teliti dan menyimpan maklumat dalam ingatan akan memudahkan maklumat diingati ketika diperlukan.

## **3. Kemahiran membaca**

Pembaca sebagai pengguna bahasa akan memberi gerak balas terhadap bentuk-bentuk grafik di muka surat. Maklumat yang dibaca boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu sintaksis, semantik dan grafo fonemik. Bacaan merupakan pemilihan dan penggunaan tanda saraan bahasa yang terbina melalui daya pengamatan berdasarkan harapan seorang pembaca. Pembaca kemudian membuat penentuan sementara ke atas maksudnya, kemudian disahkan, diterima atau disemak semula. Keberkesanan dalam proses pembacaan adalah amat perlu. Dalam memperoleh keberkesanan dalam pembacaan, pelajar perlu mengetahui kaedah-kaedah tertentu yang bersesuaian dengan diri pelajar itu sendiri. Pembacaan bagi bahan yang berbeza memerlukan kaedah penyesuaian yang berbeza.

Mengikut Anderson (dlm Abd. Ghani, 1996: 25), kecekapan membaca bergantung kepada kecepatan bacaan dan kefahaman. Beliau menyatakan terdapat tiga penentuan yang perlu dibuat untuk memanfaatkan pembacaan iaitu menentukan tujuan sebelum membaca, menilai bahan bacaan, dan menentukan teknik apakah yang bersesuaian dengan bahan bacaan untuk mencapai objektif bacaan. Beliau juga mencadangkan beberapa teknik bacaan iaitu:

- a) Membaca dengan menyebut perkataan terutamanya pada peringkat permulaan membaca dan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah.
- b) Membaca dalam hati seperti menyebut perkataan tetapi perkataan tersebut tak terjelma dalam bentuk suara.
- c) Memberi tumpuan kepada satu-satu perkataan.
- d) Membaca berulang kali.

Walaupun kaedah-kaedah yang dicadangkan boleh membawa kepada pembacaan berkesan tetapi semuanya bergantung kepada kebolehan individu. Sekiranya individu itu pintar, cara sebegini mungkin kurang sesuai dan Kamarudin dan Siti Hajar (1996) mencadangkan bahawa bacaan sebegini sesuai untuk pelajar-pelajar kategori sederhana.

#### **4. Kemahiran mencatat nota**

Menulis ialah proses merakam dan menghasilkan bahan yang berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan, dan maklumat dalam bentuk tulisan bertujuan untuk berhubung dengan orang lain atau diri sendiri. Mc Crimmon (dlm Kamarudin dan Siti Hajar, 1996: 105) menyatakan bahawa sesuatu kegiatan penulisan itu tidak berlaku dalam ruang kosong sebaliknya dalam satu situasi. Sebuah penulisan selalunya bertujuan untuk menyampaikan atau menghubungkan sesuatu mesej, rayuan, maklumat atau idea kepada seseorang.

Kamarudin dan Siti Hajar (1996) memberikan satu definisi umum tentang penulisan kerana beliau berpendapat bahawa penulisan sebagai satu alat untuk melahirkan fikiran dan perasaan melalui lambang-lambang bunyi. Dalam proses membuat nota, beberapa kemahiran belajar lain perlu bergabung seperti kemahiran mendengar dan membaca. Mencatat nota adalah aktiviti merekod iaitu menulis di atas kertas. Mencatat nota berlaku dalam semua situasi belajar semasa kuliah, ceramah, penerangan, temuduga, membaca buku dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, mencatat nota merupakan elemen penting yang dapat membantu pelajar belajar dengan lebih baik dan memperoleh maklumat yang berguna ketika pembelajaran. Justeru itu, elemen-elemen mencatat nota seperti menggunakan singkatan perkataan serta lambang-lambang tertentu akan memudahkan proses pembelajaran seterusnya memudahkan pemahaman maklumat.

#### **5. Kemahiran mengingati**

Ingatan merupakan proses intelek yang menyimpan maklumat dan pengalaman secara mental dan dapat dikeluarkan kembali untuk menyelesaikan masalah atau digunakan untuk pembelajaran selanjutnya. Menurut Amir (1986), cara menguatkan ingatan adalah melalui cara pemusatan ingatan dan apabila pelajar

dihadapkan dengan sesuatu rangsangan, mereka akan mempunyai kecenderungan untuk menumpukan dan memusatkan fikiran kepada perkara tertentu sahaja. Lee (1997), menjelaskan bahawa ingatan terbahagi kepada tiga sistem iaitu ingatan deria, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang. Ingatan yang paling sesuai bermula dengan kegiatan rakaman deria atau ingatan sensor. Ingatan ini hanya berlaku dalam masa yang singkat iaitu kurang daripada satu saat contohnya ingatan ketika menaip. Apabila sesuatu maklumat itu diproses dan dikenali sebagai bermakna atau relevan, ia akan dipindahkan ke ingatan jangka pendek. Ingatan ini akan dapat disimpan dalam beberapa saat, contohnya menguji nombor telefon untuk mendail. Ingatan jangka panjang pula boleh menyimpan maklumat dan pengalaman yang diperolehi dalam bentuk yang kekal dan tersusun. Beliau turut mencadangkan kaedah memupuk kemahiran mengingat seperti:

- a) Menegaskan isi untuk diingat.
- b) Pembelajaran bermakna yang ada kaitan dengan kehidupan seharian.
- c) Pengelolaan pembelajaran berdasarkan idea dan maklumat.
- d) dikelompokkan dalam susunan untuk memudahkan ingatan.
- e) Latih tubi dengan mengingat fakta dan konsep secara berulang kali.
- f) Singkatan maklumat melalui pengekodan dan perlambangan.

Justeru itu kemahiran mengingat merupakan perkara yang terpenting dalam pembelajaran. Setakat mana dapat dipertingkatkan bergantung kepada kemampuan dan prestasi pelajar. Hal ini boleh dipelajari dan ditingkatkan melalui latihan yang berterusan. Pengukuhan pembelajaran dengan menggunakan teknik latih tubi mampu mengukuhkan daya ingatan pelajar ketika pembelajaran berlaku.

### **Pencapaian Akademik**

Mohd Majid (1998), menjelaskan bahawa ujian pencapaian mengandungi set rangsangan yang mengukur penguasaan dan kemahiran individu dalam bidang yang khusus. Set rangsangan ujian digunakan untuk mengukur pencapaian pelajar dalam bidang tertentu. Dalam penyelidikan ini, pengkaji berpendapat bahawa pencapaian akademik bermaksud skor-skor pencapaian subjek-subjek dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Keputusan ini dianalisis mengikut gred pencapaian yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Manakala pencapaian dikaitkan dengan prestasi akademik dalam peperiksaan yang dikelolakan oleh LPM. Dalam penyelidikan ini, kumpulan pencapaian bermaksud sejumlah pelajar yang telah diselaraskan mengikut piawai sekolah iaitu kumpulan cemerlang, sederhana, dan lemah dari segi akademik. Bagi meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan, pelajar diminta membawa keputusan PMR dan diminta mengisikannya ketika sesi soal selidik dijalankan.

Pemilihan pelajar mengikut kepelbagaian kumpulan pencapaian adalah berdasarkan keputusan gred A yang telah diperolehi dalam peperiksaan tersebut. Kumpulan pelajar cemerlang dipilih berdasarkan bilangan gred A dalam pencapaian peperiksaan. Kumpulan sederhana pula dipilih melalui bilangan gred C dan B yang diperolehi dalam peperiksaan manakala kumpulan lemah dipilih berdasarkan bilangan gred D yang diperolehi dalam peperiksaan.

## **KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN**

Shiqin (2003) dalam satu kajian kes yang berkaitan proses pembelajaran bahasa Cina kepada pelajar berbangsa asing di Australia menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai kemahiran belajar yang dikuasai oleh pelajar-pelajar dalam memastikan mereka dapat menguasai bahasa tersebut. Sebilangan sampel yang diuji dengan menggunakan kaedah bergambar serta *flash card* dapat mengingat makna atau penggunaan perkataan bahasa Cina mengikut konteks yang dikehendaki dan mencatatkan markah yang tinggi dalam tiga ujian yang dikendalikan berbanding dengan kumpulan yang hanya mendengar dan melihat sahaja. Meninjau kajian Ng et al. (2005) yang berkaitan jangkaan terhadap proses pembelajaran terarah sendiri di sekolah bestari mendapati bahawa terdapat perhubungan yang tinggi kesedaran pembelajaran dengan penggunaan kaedah pembelajaran sendiri dengan menggunakan teknologi maklumat. Dalam konteks ini, pelajar di sekolah bestari menyedari bahawa kemahiran pembelajaran terarah sendiri membantu ke arah pencapaian akademik mereka. Pelajar turut menyedari bahawa pengaruh motivasi mempengaruhi pembelajaran dan seterusnya membantu pencapaian akademik.

Kajian seterusnya berkaitan tajuk ini dilakukan oleh James, Chris dan Michael pada tahun 2003. Kajian mereka membabitkan 88 subjek yang terdiri daripada 70 orang perempuan dan 18 orang lelaki. Dapatan menunjukkan terdapat perhubungan antara kejayaan pelajar dengan kemahiran belajar. Kajian ini berkait dengan usaha menggalakkan kejayaan dalam kalangan pelajar yang belum berijazah serta cabaran pengajaran, strategi respons dan kemahiran belajar. Kajian ini menggunakan instrumen yang mengandungi lima bahagian iaitu maklumat demografi, kemahiran belajar, cabaran-cabaran kejayaan pelajar dan reaksi pelajar terhadap cabaran tersebut. Hasil kajian menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Bagi kemahiran belajar yang dipecahkan kepada 14 bahagian menunjukkan bahawa pembelajaran di rumah mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 5.19 berbanding kemahiran belajar yang lain seperti belajar bersendirian (5.09), perbincangan kumpulan (3.82), mengunjungi perpustakaan (2.58) dan belajar dalam kumpulan kecil (2.45).

Bagi mengukuhkan hujah, kita wajar merujuk kajian terkini yang dibuat oleh Heidrun dan Albert (2005) berkaitan penilaian program pembelajaran sendiri untuk pelajar yang mempunyai kelebihan matematik tetapi rendah pencapaian di peringkat sekolah rendah. Dalam kajian ini, beliau menggunakan 36 sampel pelajar darjah empat yang rendah pencapaian akademik tetapi mempunyai kelebihan dalam kemahiran matematik. Para pelajar dibantu oleh 12 orang guru yang telah diberi latihan khusus dalam mengendalikan penyelidikan. Antara elemen kemahiran belajar yang digunakan ialah pengurusan masa belajar di rumah, pembelajaran secara berterusan, penilaian sendiri terhadap sistem pembelajaran, kecekapan sendiri, kekuatan sendiri, cita-cita dan pencapaian sebenar. Sampel dikawal dan diberi rawatan yang dikendalikan oleh 12 orang guru. Berdasarkan data dan analisis kajian, pengurusan masa menunjukkan nilai F bersamaan 2.82 dan mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan pencapaian sebanyak  $p < 0.05$ . Selain itu, terdapat perhubungan yang positif antara aspirasi akademik dan pencapaian matematik yang mempunyai nilai  $r = 0.66$  ( $p < 0.05$ ). Keputusan kajian menunjukkan terdapat perubahan pencapaian akademik sekiranya pelajar yang bermasalah dibantu dengan pelbagai kaedah seperti pengurusan masa. Justeru itu, berlaku perubahan terhadap kumpulan yang dikawal daripada  $-0.16$  kepada kumpulan yang dirawat yang meningkat kepada  $0.17$ .

Hal ini bertepatan dengan yang diutarakan oleh Dieter, Petra dan Maria (2005) dalam kajian yang bertajuk "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Membaca di Jerman dan Sepanyol." Kajian tersebut menggunakan data dari negara Jerman dan Sepanyol, dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pelajar dan sekolah. Data dari Jerman terdiri daripada 5073 pelajar dan 219 sekolah manakala data dari Sepanyol pula merangkumi 6214 pelajar dan 185 sekolah. Tujuan kajian adalah untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi aktiviti membaca dalam kalangan pelajar di Jerman dan Sepanyol. Pengkaji telah menggunakan kaedah statistik deskriptif dalam menganalisis data kajian. Keputusan kajian di Jerman dan Sepanyol menunjukkan bahawa faktor positif seperti minat dan penumpuan dalam pembacaan akan mempengaruhi pembacaan, seterusnya membantu pelajar memahami bahan bacaan dengan nilai  $y = 0.21$ . Manakala faktor negatif seperti kegagalan pelajar untuk hadir ke sekolah, datang lewat ke sekolah, dan tidak melakukan kerja rumah menunjukkan pencapaian yang rendah dalam bacaan dan pencapaian akademik.

Kesinambungan daripada itu, kajian Yesim Somuncuoglu (2001) yang bertajuk hubungan antara pencapaian orientasi matlamat dan penggunaan pembelajaran boleh digunakan untuk melengkapkan maklumat yang dikaji. Hal ini kerana kajian ini mempunyai kaitan dengan kajian-kajian yang telah dibincangkan sebelumnya. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian pelajar dan penggunaan strategi



pembelajaran. Data kajian melibatkan sebanyak 189 orang pelajar psikologi pendidikan dari *Middle East Technical University* (METU). Jumlah pelajar perempuan adalah 126 orang manakala pelajar lelaki sebanyak 63 orang. Data ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang positif walaupun tidak begitu tinggi (0.27) antara pencapaian pelajar dengan kemahiran kognisi dalam pembelajaran. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa nilai pembelajaran dan pencapaian pembelajaran perlu seiring dengan kemahiran belajar yang diperoleh secara bermakna.

Selanjutnya, kita wajar meneliti kajian yang dibuat oleh Sanna, Paivi dan Sakari (2004) yang bertajuk "Orientasi Belajar Pelajar Universiti, Pengalaman Pembelajaran dan Kejayaan Belajar dalam Kursus Inovatif." Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis perubahan dalam orientasi kemahiran belajar yang boleh dikesan dalam kursus inovatif. Seramai 287 pelajar terdiri dari kalangan pelajar Teknologi Maklumat, Bahasa Inggeris, Pendidikan, dan pelajar aliran Sukan terlibat sebagai subjek. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar terbabit mengalami masalah dengan kemahiran belajar. Pelajar Teknologi Maklumat menunjukkan nilai skor min sebanyak 2.98, Bahasa Inggeris (2.54), Pendidikan (2.38) dan pelajar aliran Sukan (1.71). Pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa kemahiran belajar dan hasil pembelajaran dalam kalangan pelajar adalah berbeza dan menjadi peranan guru untuk mengenal pasti jenis perbezaan-perbezaan tersebut sama ada mereka tergolong dalam golongan pelajar yang berjaya, pelajar yang mudah berpuas hati, atau pelajar pemalas.

Kajian di atas selari dengan penemuan Keefe (1987) yang menjelaskan bahawa kemahiran belajar setiap pelajar berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini dapat dikesan dari pelbagai aspek seperti jantina, bentuk fizikal, tingkah laku, cara berfikir, cara berinteraksi, kemahiran belajar dan gaya kognitif yang pelajar pilih untuk memperoleh maklumat baru. Sebagai seorang pelajar, seharusnya mereka memahami gaya kemahiran pembelajaran mereka. Hal ini boleh dilakukan oleh pelajar dengan mengambil pelbagai langkah termasuk memahami dan menerima gaya pembelajaran yang boleh disesuaikan demi peningkatan dalam pencapaian akademik dan kreativiti (Griggs, 1985).

Kajian-kajian yang dibuat ini menunjukkan bahawa pelajar berpendapat kemahiran belajar mempunyai perhubungan dengan pencapaian akademik mereka. Justeru itu, pengkaji berpendapat kajian-kajian ini sesuai digunakan sebagai sumber rujukan untuk menunjukkan perhubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik seseorang pelajar.

Secara khususnya, kemahiran belajar dapat dirumuskan sebagai satu kesedaran metakognisi yang ada dalam diri pelajar untuk belajar dengan cara terbaik bagi mendapatkan maklumat yang berguna untuk pembelajaran. Dalam kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa kemahiran belajar merupakan keupayaan yang dimiliki oleh pelajar dalam menguasai kaedah-kaedah pembelajaran seperti disiplin diri, kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran membuat nota dan kemahiran mengingat yang akan memudahkan mereka memahami maklumat dan menyampaikan semula dalam bentuk yang berguna. Kaedah-kaedah kemahiran belajar ini digunakan oleh pelajar sepenuhnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti perhubungan antara dua variabel iaitu kemahiran belajar dengan pencapaian akademik. Selain itu, kajian ini juga akan melihat perbezaan kemahiran belajar di kalangan pelajar pelbagai kebolehan akademik, lokasi serta jantina. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan dua jenis maklumat iaitu kemahiran belajar dan pencapaian akademik. Aspek-aspek kemahiran belajar yang ditumpukan adalah disiplin diri, kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran mencatat nota dan kemahiran mengingat. Kajian ini melibatkan dua buah sekolah menengah di daerah Kerian dan mempunyai pelajar dengan pelbagai kebolehan. Pemilihan sekolah juga dibuat berdasarkan lokasi sekolah yang berada di bandar dan di luar bandar. Dua sekolah ini dipilih memandangkan wujudnya pelajar dengan pelbagai kebolehan seperti pelajar-pelajar dengan kelas baik, sederhana dan lemah.

Dalam menentukan sampel, pengkaji telah mengenal pasti bilangan pelajar tingkatan empat di kedua-dua buah sekolah. Persampelan dilakukan melalui proses persampelan berstratifikasi. Dalam menentukan sampel, pengkaji telah mengenal pasti bilangan pelajar tingkatan empat di kedua-dua buah sekolah. Pengkaji juga telah melihat klasifikasi kepada komposisi bilangan pelajar yang berada di dalam kelas cemerlang, sederhana dan lemah bagi kedua-dua sekolah. Pemilihan secara rawak melibatkan 30 orang daripada setiap kategori kelas cemerlang, sederhana dan lemah telah dilakukan dengan merujuk kepada keputusan peperiksaan PMR tahun 2006. Subjek yang dipilih adalah daripada tingkatan empat pada tahun 2007.

Seramai 180 orang pelajar telah dipilih sebagai subjek kajian yang mewakili 10% bilangan pelajar tingkatan empat di daerah Kerian. Subjek-subjek tersebut dipilih berdasarkan jantina dari kelas baik, sederhana dan lemah. Pemilihan subjek mengikut jantina adalah seimbang iaitu 90 pelajar lelaki dan 90 pelajar

perempuan yang mewakili tiga kepelbagaian kebolehan akademik iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Pemilihan subjek dibuat dengan menggunakan keputusan peperiksaan PMR dan kedudukan pelajar di dalam kelas. Subjek juga mewakili 90 orang daripada sekolah di bandar dan 90 orang daripada sekolah di luar bandar. Pemilihan sampel sekolah dibuat secara rawak berdasarkan kedudukan sekolah yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar.

Kajian ini menggunakan alat ukur berbentuk soal selidik kemahiran belajar bagi mendapatkan maklumat tentang kajian. Satu soal selidik telah digunakan iaitu soal selidik kemahiran belajar oleh Mohd Yunus (1990) dan telah diubah suai pada bahagian-bahagian tertentu. Bagi memastikan wujudnya kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis telah dijalankan dengan menggunakan 50 orang subjek kajian. Hasil ujian kebolehpercayaan alfa menunjukkan bacaan yang tinggi iaitu 0.921 untuk keseluruhan 46 item soal selidik berkenaan. Ujian kesahan dengan menggunakan Kaiser Meyer Olkin (KMO) dan Bartlett's menunjukkan nilai kesahan yang diperoleh juga tinggi iaitu 0.933 bagi 46 item soalan yang telah dijawab oleh pelajar. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan demografi pelajar. Bahagian B pula mengandungi soal selidik kemahiran belajar dan pencapaian akademik PMR. Instrumen kemahiran belajar yang digunakan dalam kajian ini mengandungi lima bahagian dengan 46 jumlah item. Hal ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci dalam jadual di bawah.

**Jadual 1.** Jumlah pecahan soal selidik yang dikaji.

Bidang	Jumlah Soalan	Nombor Soalan
1. Disiplin Diri	14	1–14
2. Kemahiran Membaca	8	15–22
3. Kemahiran Mendengar	8	23–30
4. Kemahiran Mencatat Nota	7	31–37
5. Kemahiran Mengingati	9	38–46

Pemisahan bidang-bidang kemahiran belajar dibuat berdasarkan elemen kemahiran-kemahiran belajar yang dibincangkan diperingkat kajian literatur.

## **LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah di daerah Kerian, Perak. Dua buah sekolah dipilih secara rawak mewakili sebuah sekolah menengah yang terdapat di kawasan bandar dan sebuah sekolah menengah yang terdapat di kawasan luar bandar. Subjek seramai 180 (10% daripada jumlah populasi 1800 orang) orang pelajar dipilih mewakili seluruh populasi tingkatan empat di daerah

Kerian dengan tujuan untuk mendapatkan keputusan yang sah terhadap kemahiran belajar yang dikuasai oleh pelajar. Oleh itu, dapatan penyelidikan ini akan terbatas dan tidak boleh digeneralisasi secara keseluruhan terhadap keseluruhan pelajar di negeri Perak. Di samping itu, kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada lima elemen kemahiran belajar iaitu disiplin diri, kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran membuat nota dan kemahiran mengingat.

## **KEPUTUSAN**

Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran belajar dalam kalangan pelajar tingkatan empat yang berlainan jantina. Keputusan analisis perbezaan kemahiran belajar berdasarkan jantina menunjukkan nilai  $t = 1.623$  dan  $p = 0.106$ . Hal ini menunjukkan bahawa nilai  $p$  adalah lebih besar daripada nilai alfa  $0.05$  ( $p = 0.106 > 0.05$ ). Oleh itu, keputusan untuk kemahiran belajar mengikut jantina adalah tidak signifikan pada aras  $p > 0.05$ .

Keputusan ujian hipotesis analisis varian (ANOVA) kemahiran belajar di kalangan pelajar pelbagai kumpulan pencapaian akademik menunjukkan nilai  $F = 2067.110$ , darjah kebebasan = 177 pada paras keertian  $p = 0.000$ , iaitu  $p < 0.05$  adalah signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran belajar di kalangan kumpulan pelajar cemerlang, sederhana dan lemah.

Berdasarkan ujian *Post Hoc ANOVA Tukey*, didapati pasangan yang berbeza secara signifikan ialah seperti berikut:

1. Pasangan kumpulan cemerlang dengan sederhana serta lemah mempunyai perbezaan yang signifikan antara satu sama lain berdasarkan nilai signifikan  $0.000$  (bagi ujian *Tukey*) adalah lebih kecil daripada nilai signifikan  $p < 0.05$ .
2. Pasangan kumpulan sederhana dengan cemerlang serta lemah mempunyai perbezaan yang signifikan antara satu sama lain berdasarkan nilai signifikan  $0.000$  (bagi ujian *Tukey*) adalah lebih kecil daripada nilai signifikan  $p < 0.05$ .
3. Pasangan kumpulan lemah dengan cemerlang serta sederhana mempunyai perbezaan yang signifikan antara satu sama lain berdasarkan nilai signifikan  $0.000$  (bagi ujian *Tukey*) adalah lebih kecil daripada nilai signifikan  $p < 0.05$ .

Keputusan turut menunjukkan tidak wujud perbezaan signifikan kemahiran belajar antara subjek yang bersekolah di bandar dengan subjek yang belajar di luar bandar. Analisis menunjukkan nilai  $t = 0.565$ ,  $p = 0.573$ . Hal ini menunjukkan nilai  $p$  adalah lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$  ( $p = 0.565 > 0.05$ ). Oleh itu, keputusan untuk kemahiran belajar antara pelajar yang bersekolah di bandar dengan luar bandar adalah tidak signifikan pada aras keertian  $p = 0.05$ .

Bagi keputusan analisis hubungan kemahiran belajar dengan pencapaian akademik pula menunjukkan perhubungan yang positif dengan nilai  $r = 0.968$  pada paras keertian  $p = 0.00$ , iaitu  $p < 0.05$ . Dapatan ini menunjukkan terdapatnya perhubungan yang signifikan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik pelajar yang menduduki PMR. Justeru itu, kita boleh menyatakan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik pelajar yang menduduki peperiksaan PMR.

## **PERBINCANGAN**

Perbincangan dapatan kajian adalah berpandukan kepada hasil keputusan yang diperoleh untuk kemahiran belajar berdasarkan jantina, pelbagai kumpulan pencapaian, lokasi sekolah dan pencapaian akademik.

Keputusan melaporkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran belajar dalam kalangan pelajar tingkatan empat yang berlainan jantina. Dapatan kajian ini sebenarnya seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Md. Dali (1999). Kajian beliau menunjukkan tidak terdapat perbezaan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar pelbagai jantina. Hal ini berdasarkan teori kematangan Gessel dan kognitif Jean Piaget yang menyatakan apabila tiba pada tahap kematangan, seseorang kanak-kanak tanpa mengira jantina boleh menguasai kemahiran dalam pembelajarannya. Pelajar boleh dianggap telah matang dan mencapai kematangan kognitif untuk menguasai kemahiran belajar. Namun, hal ini adalah bertentangan dengan kajian yang dibuat Keefe (1987) yang mendapati terdapat perbezaan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik. Keefe (1987) menjelaskan bahawa kemahiran belajar setiap pelajar adalah berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini dapat dikesan dari pelbagai aspek seperti jantina, bentuk fizikal, tingkah laku, cara berfikir, cara berinteraksi, kemahiran belajar dan gaya kognitif yang pelajar pilih untuk memperoleh maklumat baru. Sebagai pelajar yang berbeza, mereka harus memahami gaya kemahiran pembelajaran mereka. Hal ini boleh dilakukan oleh pelajar dengan mengambil pelbagai langkah termasuk memahami dan menerima gaya pembelajaran yang boleh disesuaikan demi peningkatan dalam pencapaian akademik dan kreativiti (Griggs, 1985). Dapatan kajian Mohd Salleh (1991) pula

menunjukkan kelangsungan dengan kajian yang dibuat oleh Keefe (1987) yang menyatakan bahawa pelajar perempuan mempunyai kemahiran belajar yang lebih baik daripada pelajar lelaki.

Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan kemahiran belajar di kalangan pelajar pelbagai kumpulan pencapaian akademik. Hasil analisis terhadap subjek didapati bahawa terdapat perbezaan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada pelajar kumpulan cemerlang, sederhana dan lemah. Analisis yang dibuat dengan menggunakan ujian ANOVA *post hoc* menunjukkan pasangan kumpulan cemerlang dengan sederhana serta lemah mempunyai perbezaan yang signifikan antara satu sama lain berdasarkan nilai signifikan 0.000 (bagi ujian *Tukey*) adalah lebih kecil daripada nilai signifikan  $p < 0.05$ . Keputusan yang sama juga dapat dilihat pada pasangan kumpulan sederhana dengan cemerlang serta lemah yang mempunyai perbezaan yang signifikan antara satu sama lain berdasarkan nilai signifikan 0.000 (bagi ujian *Tukey*) adalah lebih kecil daripada nilai signifikan  $p < 0.05$ .

Dapatan kajian ini sebenarnya sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu seperti kajian Ng et al. (2005) berkaitan jangkaan terhadap proses pembelajaran terarah sendiri di sekolah bestari yang mendapati bahawa terdapat perhubungan yang tinggi antara kesedaran pembelajaran dengan penggunaan kaedah pembelajaran sendiri dengan menggunakan teknologi maklumat. Dalam konteks ini, pelajar di sekolah bestari iaitu pelajar kategori cemerlang menyedari bahawa kemahiran pembelajaran terarah sendiri membantu ke arah pencapaian akademik mereka. Pelajar turut menyedari bahawa pengaruh motivasi mempengaruhi pembelajaran dan seterusnya membantu pencapaian akademik. Dapatan ini juga sinonim dengan dapatan kajian Mohd Yunus (1990) yang menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai kemahiran belajar yang lebih baik terdiri daripada kumpulan pelajar yang berada dalam kategori pelajar cemerlang.

Keputusan analisis seterusnya menunjukkan tidak terdapat perbezaan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar-pelajar yang bersekolah di bandar dengan pelajar-pelajar yang bersekolah di luar bandar. Perkara ini memberikan satu penjelasan bahawa pelajar-pelajar yang bersekolah di bandar dan luar bandar mempunyai corak kemahiran belajar yang sama. Dapatan kajian ini sebenarnya menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Erlanawati (2005). Kajian beliau berkaitan dengan kesukaran bahasa dalam kalangan pelajar asing di Australia menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang ke arah penguasaan bahasa yang mantap tanpa melibatkan lokasi pembelajaran.

Dapatan analisis hubungan antara kemahiran belajar dan pencapaian akademik menunjukkan perhubungan yang signifikan. Analisis terhadap hasil keputusan

ujian membuktikan variabel kemahiran belajar mempunyai perhubungan yang kuat dengan pencapaian akademik dalam pencapaian PMR. Dapatan ini sebenarnya mempunyai kelangsungan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Noran Fauziah dan Ahmad Mahzan (1993) yang menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai kemahiran belajar yang tinggi akan memperoleh keputusan akademik yang tinggi. Bagi menyokong hujah ini, pengkaji merujuk dapatan kajian yang dibuat oleh Heidrun dan Albert (2005) berkaitan penilaian program pembelajaran sendiri untuk pelajar yang mempunyai kelebihan matematik tetapi rendah pencapaian di peringkat sekolah rendah. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang positif antara aspirasi akademik dan pencapaian matematik yang mempunyai nilai  $r = 0.66$  ( $p < 0.05$ ). Dapatan ini menjelaskan terdapat perubahan pencapaian akademik sekiranya pelajar yang bermasalah dibantu dengan pelbagai kaedah seperti pengurusan masa. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa terdapat perhubungan yang positif antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik.

## **IMPLIKASI**

Hasil kajian ini memberikan beberapa implikasi khususnya kepada pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar itu sendiri. Implikasi-implikasi berikut wajar diberi perhatian agar perancangan yang teliti dan sistematik dapat dilaksanakan:

### **1. Keperluan Terhadap Meningkatkan Kemahiran Belajar dalam Kalangan Pelajar.**

Khalid (2005) menjelaskan kemahiran belajar merupakan satu kemahiran yang gagal dikuasai oleh sebahagian besar pelajar di Malaysia. Mereka sering menganggap bahawa apabila mereka mula belajar, kemahiran belajar akan dikuasai secara tidak langsung. Hal ini merupakan satu kesilapan persepsi kerana para pelajar tidak menyedari kepentingan kemahiran belajar. Bagi pelajar berprestasi rendah, mereka menganggap bahawa apabila menjadi seorang pelajar bermakna mereka telah menguasai kemahiran belajar. Setiap tahun kita didedahkan dengan cerita-cerita kejayaan pelajar cemerlang dalam peperiksaan awam di negara kita. Namun demikian, hal ini berbeza dengan para pelajar yang berada dalam kategori sederhana dan lemah dalam pencapaian akademik. Golongan pelajar kategori lemah dan sederhana perlu mendapat pendedahan lebih awal tentang kemahiran belajar agar mereka dapat mengaplikasikannya pada peringkat awal persekolahan lagi. Hal ini secara tidak langsung mendorong kepada peningkatan prestasi akademik para pelajar secara keseluruhannya. Antara contoh program yang pernah dilaksanakan dengan jayanya dalam meningkatkan kemahiran belajar ialah "Program Diari Nadiyah" yang dianjurkan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di setiap negeri. Program

anjaran GPMS ini cuba menonjolkan usaha pembelajaran pelajar yang telah berjaya memperoleh 17 A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2006.

## **2. Keperluan Setiap Pelajar Menguasai Pelbagai Kemahiran Belajar.**

Hasil kajian menunjukkan kemahiran belajar yang dikuasai oleh pelajar perlu dipelbagaikan. Kemahiran belajar bukan sahaja diwakili oleh elemen membaca, mengingati, mencatat nota, mendengar serta mendisiplinkan diri tetapi turut meliputi kemahiran menyelesaikan masalah, pengurusan masa serta lain-lain lagi. Para pelajar harus mengetahui semua elemen-elemen kemahiran belajar agar mereka dapat menggunakannya ketika proses pembelajaran.

Selain itu, penguasaan lebih daripada satu kemahiran belajar akan memudahkan pelajar untuk menumpukan sepenuh perhatian ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlaku. Hal ini pernah disentuh oleh Khalid (2005) dalam menilai masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah dan universiti.

## **3. Keperluan untuk Para Guru Mendedahkan Kemahiran Belajar kepada Pelajar.**

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang positif antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik. Justeru itu, sebagai orang yang paling hampir kepada para pelajar, guru-guru harus menyelitkan elemen-elemen kemahiran belajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlaku. Kemahiran belajar ini sangat penting dan harus dikuasai oleh semua guru agar mereka dapat melatih pelajar-pelajar menguasai kemahiran tersebut. Guru-guru juga boleh menyelitkan elemen kemahiran belajar semasa proses perbincangan serta sering menekankan kepentingan pengurusan masa (disiplin diri) kepada pelajar. Selain daripada itu, guru-guru juga harus menekankan teknik-teknik ingatan dengan sentiasa mendedahkan kaedah mengingat yang baik. Teknik-teknik yang berkesan yang harus ditekankan oleh guru ialah peta minda, mnemonik serta ulang kaji berulang-ulang.

## **4. Keperluan Ibu Bapa Memahami Kepentingan Kemahiran Belajar kepada para Pelajar dalam Menghadapi Peperiksaan Awam.**

Perhubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik yang positif turut membawa mesej bahawa ibu bapa harus menyedari bahawa pelajar yang cemerlang dan berjaya dalam peperiksaan adalah disebabkan mempunyai kemahiran belajar yang cemerlang. Kesenambungan itu, ibu bapa harus menyediakan ruang pembelajaran yang selesa kepada anak-anak agar mereka dapat mempraktikkan kemahiran belajar dengan lebih terperinci. Ibu bapa boleh



memainkan peranan penting dengan menjadi pemantau kepada kemahiran belajar di rumah. Ibu bapa boleh membantu merancang bersama-sama anak-anak jadual pembelajaran yang selesa. Selain itu, ibu bapa boleh membantu dengan menyediakan ruang yang selesa kepada pelajar di rumah. Kewujudan perpustakaan mini di rumah mampu meningkatkan budaya membaca serta mewujudkan suasana yang sesuai untuk pembelajaran. Kajian pakar-pakar psikologi menunjukkan tempat-tempat yang membangkitkan rasa belajar ialah perpustakaan. Profesor W. M. Beneka dan Profesor M. B Harris (dalam Abdullah & Ainon, 2004) menyatakan adalah lebih berkesan apabila individu itu mempunyai hanya satu ataupun dua tempat yang khas untuk dia belajar daripada dia belajar di mana-mana sahaja. Menyedari kepentingan ini, ibu bapa dapat memainkan peranan yang penting dalam memastikan agar anak-anak mereka mempunyai kemahiran belajar yang baik seterusnya memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini memberikan kesedaran kepada para pelajar, ibu bapa dan guru tentang perhubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik. Keputusan ini didapati selaras dengan kajian terdahulu dan menyakinkan kita pentingnya kemahiran belajar dalam menghasilkan pencapaian akademik yang baik. Laporan-laporan surat khabar turut memaparkan pengakuan calon cemerlang dalam peperiksaan yang menyatakan bahawa kejayaan mereka dipengaruhi oleh keupayaan memiliki kemahiran belajar dengan baik. Dalam keadaan ini dapatlah dinyatakan bahawa budaya mementingkan kemahiran belajar akan membawa impak yang positif ke arah peningkatan keputusan peperiksaan di sekolah amnya dan negara khususnya.

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004). *Guru sebagai pendorong dalam darjah*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Ghani Awang. (1996). *Kemahiran belajar di institusi pengajian tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Awang. (1986). *Teori-teori pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Dieter Kotte, Petra Lietz dan Maria Martinez Lopez. (2005). Factors influencing reading achievement in Germany and Spain: Evidence from PISA 2000. *International Education Journal*, 6(1), 113–124.

- Erlanawati Sawir. (2005). Language difficulties of international students in Australia: The effect of prior learning experience. *International Education Journal*, 5(4), 65–75.
- Griggs, S. A. (1985). *Conselling students through their individual learning styles*. The National Institute of Education, The University Of Michigans
- Heidrun Stoger dan Albert Ziegler. (2005). Evaluation of an elementary classroom self regulated learning program for gifted mathematic underachievers. *International Education Journal*, 6(2), 261–271.
- James Kuo, Chris Hagie dan Michael T Miller. (2003). Encouraging College Student Success. *International Education Journal*, 14, 60–67.
- Khalid Mohamad Noor. (2005). *Belajar teknik belajar*. Bentong: PTS Publication Sdn. Bhd.
- Kamarudin Haji Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1996). *Penguasaan kemahiran membaca, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Keffe, J. (1987). *Learning styles theory and practice*. Reston: National Association of Secondary Scholls Principals.
- Lee Shok Mee. (1997). *Psikologi Pendidikan 2, teori dan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mace, C.A. (1976). *The psychology of study*. England: Peguin Books Ltd.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Lebar. (1991). *Psikologi perkembangan dan pendidikan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Yunus Noor. (1990). *Psikologi belajar dan teknik belajar yang berkesan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Md. Dali Hasan. (1999). *Kerisauan ujian dan pencapaian dalam mata pelajaran Matematik*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Muhamad Daud Hamzah. (1994). *Perkembangan kanak-kanak dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ng Lee Yen, Kamariah Abu Bakar, Samsilah Roslan, Wong Su Lan dan Petri Zabariah. (2005). *Predictor of self regulated learning in Malaysian smart school*. *International Education Journal*.

- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahzan Ayub. (1993). *Guru dan perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanna Honkimaki, Paivi Tyanjala dan Sakari Valkonen. (2004). University student's study orientations, learning experiences and study success in innovative courses. *International Education Journal*, 29(4), 441–448.
- Shiqin Hu. (2003). Teaching Chinese to English backgrown primary students Vol 3, bil 1, Flinders University.
- Yesim Somuncuoglu Ali Yildirim. (2001). Relationship between achievement goal orientation and use of learning strategies. *Journal of Education Research*, 92, 267–276.